

**TUN SIR  
HENRY LEE HAU SHIK**  
*Ahli Perniagaan  
dan Tokoh Politik*

5092  
N

TAN MIAU ING

BERDANA  
LEAF SHIP  
FOUNDATION  
YATSIAN  
MEMORIAL  
BERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**TUN SIR**  
**HENRY LEE HAU SHIK**  
Ahli Perniagaan  
dan Tokoh Politik



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# TUN SIR HENRY LEE HAU SHIK

Ahli Perniagaan  
dan Tokoh Politik

TAN MIAU ING

PUSTAKA PERDANA



1011974



PENERBIT  
UNIVERSITI  
MALAYA

KUALA LUMPUR  
2018



Diterbitkan oleh  
**Penerbit Universiti Malaya**  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
www.umpress.com.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 2760

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. 196906  
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

©. Tan Miau Ing, 2018

Semua hak terpelihara.  
Tiada mana-mana bahagian jua  
daripada penerbitan ini  
boleh diterbitkan semula atau disimpan  
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula  
atau disiarkan dalam sebarang bentuk  
dengan apa cara sekali pun  
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,  
rakaman atau lain-lain tanpa  
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tan Miau Ing,

Tun Sir Henry Lee Hau Shik Ahli Perniagaan Dan Tokoh Politik /

Tan Miau Ing. (eds.)

ISBN: 978-967-488-006-4

1. Lee, Henry H.S, - Tun Sir, - 1900-1988.
  2. Politicians-Malaysia-Biography.
  3. Statesmen--Malaysia--Biography.
  4. Businessmen-Malaysia-Biography.
  5. Malaya-History.
- I. Judul. 959.505092

Dicetak oleh  
Penerbit Universiti Malaya  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia



# Kandungan

<i>Senarai Rajah dan Peta</i>	ix
<i>Senarai Jadual</i>	xi
<i>Senarai Gambar</i>	xiii
<i>Prakata</i>	xvii
<i>Nota Penjelasan</i>	xix
<i>Senarai Singkatan</i>	xxiii
<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
Kajian Sejarah Tentang H.S. Lee	3
Pembahagian Bab	9
<b>1 Latar Belakang Keluarga dan Kehidupan H. S. Lee sehingga 1924</b>	<b>15</b>
Budaya Keluarga	16
Penubuhan Kam Lun Tai	19
Pendidikan Awal yang Diterima	29
Pengalaman di Cambridge	37
<b>2 Permulaan di Tanah Melayu, 1924-1941</b>	<b>49</b>
Membina Kepentingan Perniagaannya, 1924-1928	50
Membangunkan Pengaruh Komuniti dan Politik di Selangor, 1929-1936	64
Pemimpin dalam Gerakan Anti Jepun, 1937-1941	72

<b>3</b>	<b>Pelarian Perang di India, 1942-1945</b>	<b>95</b>
	Terlibat dalam Pertahanan Tanah Melayu	96
	Rancangan Awal - Pergi ke China, 1942	101
	Penubuhan Persatuan Cina di India, 1943	107
	Komuniti Tanah Melayu di India, 1944-1945	115
<b>4</b>	<b>Peralihan Orientasi Politik kepada Tanah Melayu, 1946-1948</b>	<b>133</b>
	Kebangkitan Semula Sebagai Pemimpin Cina	133
	Pembinaan Semula Kepentingan Perniagaan	145
	Penglibatan dalam Politik Tanah Melayu	157
<b>5</b>	<b>Permulaan Politik Tanah Melayu, Jun 1948-1952</b>	<b>177</b>
	Penubuhan MCA	179
	Penglibatan dalam Darurat	189
	Pembentukan Parti Perikatan (The Alliance Party)	196
<b>6</b>	<b>Ke Arah Kemerdekaan, 1953-1956</b>	<b>215</b>
	Perancang Pemuluan Kerajaan British	216
	Dalang di Belakang Pilihan Raya 1955	226
	Disingkir dari MCA Selangor	231
	Mewakili Tanah Melayu dalam Rundingan Kemerdekaan, 1956	235
<b>7</b>	<b>Diiantik Sebagai Menteri Kewangan, April 1956-1959</b>	<b>249</b>
	Menteri Kewangan, 1956-1959	249
	Perletakkan Jawatan, 1959	257
<b>8</b>	<b>Kembali Sebagai Ahli Korporat, 1960-1988</b>	<b>273</b>
	Kembali Semula Sebagai Ahli Korporat, 1960-1965	273
	Pengerusi Development & Commercial (D&C) Bank, 1966-1985	282
	<b>Kesimpulan</b>	<b>297</b>
	<b>Lampiran</b>	<b>305</b>

**Rujukan**

**313**

**Indeks**

**335**



# Senarai Rajah dan Peta

## Senarai Rajah

Rajah 0.1:	Hubungan antara Model Kapitan, <i>Shang &amp; Shih</i> , Realis VS Pencabar dan Model Orientasi Politik Masyarakat Cina oleh Wang (1970)	9
Rajah 2.1:	Bilangan Imigran Cina Lelaki Dewasa Mengikut Pelabuhan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1926-1937	55
Rajah 2.2:	Bilangan Emigran Cina Lelaki Dewasa Mengikut Pelabuhan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1926-1937	55
Rajah 2.3:	Keluaran Timah dalam Konsentrat: Dunia, Tanah Melayu, Singapura dan Selangor, 1920-1941 (dalam ribu tan panjang)	57
Rajah 2.4:	Keluaran Timah dalam Konsentrat di Tanah Melayu oleh Lombong Eropah dan Cina, 1929-1941 (dalam ribu tan panjang)	58
Rajah 4.1:	Harga Purata Tahunan Timah di New York, London dan Singapura, 1940-1957	154
Rajah 8.1:	Bilangan Unit yang Aktif Menghasilkan Bijih Timah di Tanah Melayu, 1946-1989 (pada akhir tahun)	278
Rajah 8.2:	Untung Rugi H. S. Lee Tin Mines No.8, 1964-1987	279

## Senarai Peta

Peta 1:	Kawasan-kawasan Utama dalam Kajian	xvii
Peta 2:	Lokasi Xinyi di Provinsi Guangdong, China	xviii



# Senarai Jadual

Jadual 1.1:	Peratus Taburan Eksport Utama China, 1880-1936	20
Jadual 1.2:	Tempat Asal Emigran Cina di Singapura Rada Akhir 1900-an Atau Awal 1910-an	24
Jadual 2.1:	Tai Yau Tin Mines: Lokasi, Pemilik Tanah dan Saiz Lombong	51
Jadual 2.2:	Senarai Cawangan Kam Lun Tai	52
Jadual 2.3:	Harga Purata Tahunan Timah di New York, London dan Singapura, 1920-1941	56
Jadual 2.4:	Tai Yau Tin Mines: Kaedah Kerja dan Bilangan Pekerja, 1928-1941	59
Jadual 2.5:	Bilangan Orang Cina Mengikut Kumpulan Dialek di Selangor Pada Tahun 1931 dan 1947	67
Jadual 2.6:	Bilangan Pertubuhan Cina di Selangor Sehingga Tahun 1942	70
Jadual 2.7:	Persatuan dan Jawatan yang Dipegang oleh H.S. Lee dalam Masyarakat Cina di Selangor Antara Tahun 1938-1941	71
Jadual 2.8:	Ahli Jawatankuasa Tabung Bantuan China Selangor 1937	76
Jadual 2.9:	Ahli Jawatankuasa Persekutuan Tabung Bantuan China Laut Selatan, 1938	78
Jadual 2.10:	Senarai Ahli Jawatankuasa Persatuan Tabung Bantuan Kwangtung 1938	82
Jadual 3.1:	Wakil-wakil Malaya Patriotic Fund cawangan Selangor	97
Jadual 3.2:	Ahli Jawatankuasa Malayan Association of India yang Pertama	110

Jadual 3.3:	Senarai Ahli Jawatankuasa Overseas Chinese Association (OCA) di India	112
Jadual 3.4:	Bilangan Pelarian Perang Tanah Melayu di India, Februari 1945	116
Jadual 4.1:	Peratusan Orang Cina Mengikut Kumpulan Dialek di Tanah Melayu pada tahun 1947 dan 1957	141
Jadual 4.2:	Senarai Persatuan-persatuan Cina yang Dipimpin oleh H.S. Lee Selepas Perang	142
Jadual 4.3:	Perbandingan Antara Bilangan Lombong Timah yang Beroperasi in Malaya Dengan Anggaran Laporan Storke, 1941, 1946 - 1949	148
Jadual 4.4:	Bantuan Kewangan Kepada Industri Perlombongan Bijih Timah Sehingga 31 Disember 1949.	148
Jadual 4.5:	Keluaran Timah dalam Konsentrat (tan) di Tanah Melayu oleh Lombong Eropah dan Cina, 1946-1957	149
Jadual 4.6:	Senarai Lombong Bijih Timah yang Dibuka oleh H.S. Lee antara tahun 1948-1957	150
Jadual 4.7:	Senarai Persidangan Timah Antarabangsa yang dihadiri oleh H.S. Lee antara 1947-1953	155
Jadual 6.1:	Senarai Nama Empat Kumpulan Kerja	235
Jadual 7.1:	Jabatan dan Subjek di bawah Kementerian Kewangan 1956	251
Jadual 8.1:	Senarai Lombong Bijih Timah yang Dibuka oleh H.S. Lee antara tahun 1961 -64.	274
Jadual 8.2:	Harga Purata Tahunan Timah di New York, London dan Singapura, 1958-1987	275
Jadual 8.3:	Persatuan-persatuan yang Dipengerusikan oleh Lee Selepas Kemerdekaan Tanah Melayu.	281
Jadual 8.4:	Modal Berbayar, Keuntungan Sebelum Cukai, Aset dan Deposit Kumpulan D&C, 1966-1984	288
Jadual 8.5:	Senarai Ahli Lembaga Pengarah D&C Bank, 1966-1984	290

# Senarai Gambar

- Gambar 1: Bapa dan Ibu H.S. Lee, Lee Kwai Lim dan Kam Kwoo Chun
- Gambar 2: Isteri Pertama H.S. Lee, Dawn Kathleen Glen dan Anak Mereka, Douglas. Gambar (1923/24)
- Gambar 3: H.S. Lee Bersama Dengan Isteri Kedua, Kwan Choi Lin (1920/30-an)
- Gambar 4: H.S. Lee Bersama Ahli Keluarganya (pertengahan 1940-an).
- Gambar 5: Ahli Keluarga H.S. Lee (akhir 1950-an)
- Gambar 6: Ahli Keluarga H.S. Lee (1980-an).
- Gambar 7: Pelajar Baru Kolej St. John, Cambridge (1921).
- Gambar 8: H.S. Lee Bersama Keretanya di Cambrigde (awal 1920-an)
- Gambar 9: H.S. Lee (tengah) Semasa di Cambridge (awal 1920-an).
- Gambar 10: Kam Lun Tai Cawangan Xiyang, China (26 Feb 1929)
- Gambar 11: Gambar kumpulan di luar Selangor Hokkien Association bersama dengan Dr Lim Boon Keng, iaitu Pengetua Universiti Amoy semasa beliau melawat Kuala Lumpur pada awal tahun 1935.
- Gambar 12: Iklan The Malayan Chinese Daily News di mana H.S. Lee adalah Deputy Managing Director
- Gambar 13: Ahli Jawatankuasa Persekutuan Tabung Bantuan China Laut Selatan, 1938
- Gambar 14: Pegawai Air Raid Precautions Bahagian Selatan Kuala Lumpur, 23 November 1941
- Gambar 15: Surat Pelantikan H.S. Lee Sebagai Canselor Majlis Hal Ehwal Orang Cina Seberang Laut, 19 Mei 1943.
- Gambar 16: Sijil Tentera H.S. Lee yang Dikeluarkan oleh Jeneralisimo Chiang Kai Shek yang bertarikh 12 Ogos 1943

- Gambar 17: H.S. Lee Berpakaian Uniform Tentera
- Gambar 18: The Baroda Open Golf Tournament 1945
- Gambar 19: Majlis Mengalu-alukan Kepulangan H.S. Lee di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, 24 November 1945
- Gambar 20: Majlis Perpisahan Pegawai Perhubungan yang Dihantar oleh Negara China di bawah Perintah Jeneral Komander Pasukan Persekutuan Asia Tenggara
- Gambar 21: Mesyuarat Wakil-wakil Dewan Perniagaan Cina dari Seluruh Tanah Melayu di Kuala Lumpur, 19 Oktober 1946
- Gambar 22: Lembaga Pengarah dan Pekerja Dewan Perniagaan Cina Selangor yang Diambil semasa Perayaan Ulang Tahun Ke-50, 7 Februari 1955
- Gambar 23: Mesyuarat Agung Gabungan Persatuan-persatuan Kwangtung Malaya ke-9, 19 Jun 1955
- Gambar 24: Orang Cina di Selangor Mengalu-alukan Ketibaan Konsul Jeneral China Wu Pak Sing, 4 Mei 1946
- Gambar 25: Orang Cina dan Persatuan-persatuan Cina di Selangor Mengalu-alukan Ketibaan Konsul China, Xu Meng Xiong, 25 Mac 1946
- Gambar 26: Meraikan Hari Kebangsaan China (Double Ten Day) di Selangor Chinese Assembly Hall.
- Gambar 27: H.S. Lee Menghadiri Upacara Tamat Pengajian Outward Bound School pada 6 November 1962
- Gambar 28: Majlis Menandatangani Perjanjian Kemerdekaan di Lancaster House London pada 8 Februari 1956 di mana H.S. Lee duduk di sebelah Tunku Abdul Rahman dan kedua dari kiri adalah Alan T. Lennox -Boyd, Secretary of State for the Colonies
- Gambar 29: Gambar 29: Yang di-Pertuan Agong menghadiri majlis perkahwinan Dr Violet Lee, iaitu anak perempuan H.S. Lee di rumah Lee di Golf View Road, Kuala Lumpur pada 18 Jan 1958.
- Gambar 30: Gambar 30: H.S. lee berucap semasa ulang tahun ke-10 MCA pada 1 Mac 1959.
- Gambar 31: H.S. Lee sebagai Menteri Kewangan, Menaikan Langkahnya ke Dewan Perundangan Persekutuan untuk Mengumumkan Perbelanjaan Baru, 7 November 1956
- Gambar 32: H.S. Lee Memberi Ucapan Semasa Perasmian Bank Negara pada 26 Januari 1959.

- Gambar 33: H.S. Lee bersama dengan keluarga diraja British semasa lawatan baginda ke Malaysia pada tahun 1972.
- Gambar 34: Wang Kertas yang Dikeluarkan pada 1 Mac 1959 yang Mengandungi Tandatangan H.S. Lee.
- Gambar 35: H.S. Lee Mewakili Persekutuan Tanah Melayu dalam Persidangan Perlombongan Timah Antarabangsa di New York, Mei 1960.
- Gambar 36: Tunku Abdul Rahman Berucap Dalam Perasmian D&C Bank Cawangan Johor Bahru (1970).
- Gambar 37: H.S. Lee Berucap dalam Majlis Meraikan Ulang Tahun ke-36 China Press
- Gambar 38: Gambar H.S. Lee pada dekad yang berbeza (dari kiri ke kanan) pada 1920-an hingga 1970-an
- Gambar 39: Pejabat D&C Bank yang Pertama di Kuala Lumpur (1969).
- Gambar 40: Bangunan Ibu Pejabat D&C Bank yang Baru di Wisma On-Tai, Jalan Ampang (1983)



# Prakata

Buku ini merupakan revisi hasil tesis saya yang dihantar ke Jabatan Sejarah Universiti Malaya pada tahun 2016. Buku ini mendokumentasikan kerjaya dan riwayat H.S. Lee sebagai seorang tokoh politik dan ahli perniagaan dalam bentuk biografi dengan tumpuan kepada sifat kepimpinannya. Tun Sir Henry Lee Hau Shik (1901-1988) atau lebih dikenali sebagai H.S. Lee adalah menteri kewangan Tanah Melayu yang pertama. Beliau selalu dikaitkan dengan peranan politiknya sebagai salah seorang pemimpin perintis utama Malayan (kemudian Malaysian) Chinese Association (MCA) dan memainkan peranan penting dalam menjalinkan kerjasama antara UMNO dengan MCA pada tahun 1952 yang membawa kepada pembentukan Parti Perikatan. Lee merupakan sebahagian daripada delegasi ke London untuk rundingan kemerdekaan Tanah Melayu. Rada masa yang sama beliau juga adalah pelombong timah, pemilik D&C bank dan surat khabar *China Press* serta aktif dalam kegiatan *huiguan*. Dengan corak kehidupan yang beraneka dan pengalaman begitu luas diharap melalui penulisan riwayat hidup Lee ini dapat membantu pembaca lebih memahami sejarah Malaysia.

Penyiapan penulisan buku ini juga tidak terlepas daripada bantuan beberapa pihak. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. Danny Wong Tze Ken selaku penyelia program PhD saya. Saya juga ingin menunjukan penghargaan saya kepada Dr. Lee Kam Hing, Dr. Diana Wong, Dr. Neil Khor yang telah membaca draf-draf saya dan memberi cadangan dan kritikan yang amat berguna. Selain itu, Dr. Loh Wei Leng, Prof. Fujio Hara dan Dr. Geoff Wade yang memberi cadangan atas bab tertentu yang memberi keyakinan bahawa saya berada pada jalan yang betul.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada para pustakawan di ISEAS, Singapura: Cik Susan Tan, CikTong Bao, Cik Selvi, Cik Murni, terutamanya bekas ketua pustakawan Cik Ch'ng Kim See yang memberi banyak pertolongan semasa menjalankan kajian di ISEAS. Begitu juga pustakawan di National University of Singapore, National Library of Singapore dan Universiti Malaya; pekerja di Arkib Negara Malaysia, British Archive di Kew Garden, the Bank of England Archives di London dan the St. John's

College Biographical Archive di Cambridge, serta Kuomintang Party Records Archives dan Academia Historica di Taipei. Begitu juga Dr. Tansen Sen yang menunjukkan bahan daripada Arkib India dan Dr. Geoff Wade untuk bahan Arkib Australia. Tanpa pertolongan mereka adalah mustahil untuk mengumpul bahan yang diperlukan.

Selain itu, kerjasama daripada keluarga H.S. Lee, terutamanya Dato' Douglas Kim Kiu Lee, Dato' Thomas Mun Lung Lee dan En. George Lee Yau Lung yang sudi ditemu ramah serta membekalkan bahan dan gambar yang amat berharga. Begitu juga mendiang Tan Sri P.G. Lim, En. Samuel Kam, Dr. Leon Comber dan En. Ah Meng yang sudi mengongsi pengalaman mereka dengan H.S. Lee. Terima kasih juga diucapkan kepada Ms. Margaret, perbualan yang dijalankan semasa mengindeks kertas-kertas persendirian H.S. Lee sentiasa amat memberangsangkan. Begitu juga mendiang Cik Suzy Poh dan mendiang En. Ng Yik Meng, pertolongan yang anda berikan semasa menjalankan kerja lapangan akan sentiasa saya hargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada ARI fellow sesi 2012 yang memberi kejutan akademik dan persahabatan bersama saya di bawah Asian Graduate Student Fellowships, yang ditawarkan oleh Asia Research Institute, National University of Singapore. Begitu juga Ms. Selvi yang amat menyayangi pelajar Malaysia dan Dr. Kay yang memberi panduan dalam tulisan akademik. Saya juga ingin berterima kasih kepada Universiti Malaya yang menawarkan Postgraduate Research Grant (???) yang membolehkan saya menjalankan kajian di London (2008) dan Singapura (2009), serta bantuan kewangan melalui University of Malaya Fellowship Scheme antara tahun 2008-2010.

Kepada rakan seperjuangan dalam perjalanan akademik: Hung Bee Ling, Chee Lee Yoon, Dr. Ngu Ik Tien, Dr. Tan Ai Boay, Dr. Ku Boon Dar, Lai Ngan Yin dan Chong ShiawYee, terima kasih atas dorongan dan persahabatan yang diberikan. Tanpa kamu semua, saya tidak mungkin menghabiskan jalan yang sunyi ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan serumah saya, ahli CG Kota Damansara, serta bekas ahli CG Kajang Mandarin yang sentiasa membimbing kehidupan rohani saya. Akhir sekali, kepada ibu yang amat disayangi, Koh Ah Liang; kakak Eng Moi, kakak Eng Choo; abang Eng Heng, abang Boon Lian, abang Yap San Pow, dan anak sepupu Yap Ai Wei, terima kasih atas sokongan emosi dan kewangan yang diberikan sepenuhnya.

Meskipun telah berusaha untuk menghindarkan kesalahan, tentu wujud kelemahan dan kekurangan dalam buku ini. Oleh itu, saya menerima dengan hati yang terbuka jika terdapat sebarang pandangan dan ulasan yang membina terhadap buku ini.

Sekian terima kasih dan salam sejahtera.

Tan Miau Ing  
Jun 2018

# Nota Penjelasan

## **NAMA TEMPAT, ORANG PERSEORANGAN, DAN INSTITUSI DALAM BAHASA CINA**

Pertukaran huruf Cina yang mempunyai pelbagai bunyi mengikut dialek masing-masing kepada bentuk tulisan Rumi selalu menjadi masalah kajian sejarah orang Cina, terutamanya kajian terhadap orang Cina seberang laut di Asia Tenggara.

Sebelum sistem *pinyin* digunakan secara meluas untuk mengeja sebutan bahasa Mandarin (*hanyu*) dalam tulisan Rumi, sistem Wade-Giles selalu digunakan dalam merumikan huruf Cina yang disebut dalam bahasa Mandarin atau dialek masing-masing. Misalnya provinsi Kwangtung yang dieja mengikut sistem Wade-Giles, ditulis sebagai Guangdong mengikut sistem *pinyin*. Sejak China dan Taiwan, dua negara pertuturan bahasa Cina yang terbesar menggunakan sistem *pinyin* dalam merumikan sebutannya, maka untuk memudahkan para pembaca, sistem *pinyin* juga akan digunakan untuk mengeja huruf Cina mengikut sebutan bahasa Mandarin.

Untuk menyamakan sebutan, sepatutnya bahasa Mandarin yang dieja menggunakan *hanyu pinyin* digunakan dalam seluruh kajian ini. Masalahnya, nama perseorangan yang digunakan dalam rekod sejarah telah dieja mengikut bunyi dialek, jika dieja mengikut *hanyu pinyin* akan menjadikan orang itu sesuatu yang asing dan kehilangan identiti tempatannya, sehingga membuatnya hampir mustahil untuk membandingkan kerjaya mereka dalam sumber sejarah Barat. Misalnya, nama Lee Hau Shik jika dieja mengikut *hanyu pinyin* akan menjadi Li Xiao Shi. Untuk mengelakkan kekeliruan, semua nama perseorangan Cina yang diketahui mengikut ejaan dialek yang biasa digunakan akan dikekalkan. Manakala bagi mereka yang tidak dapat dikenal pasti ejaan dialeknya akan dieja mengikut sistem *pinyin*. Tulisan Cina nama perseorangan akan diberi dalam nota kaki.


Tun Sir Henry Lee Hau Shik

Manakala bagi nama syarikat dalam kajian ini juga menghadapi masalah yang sama. Misalnya, Kam Lun Tai dan Tai Yau Tin Mines. Begitu juga dengan persatuan-persatuan orang Cina, iaitu nama *huiguan*, iaitu semasa persatuan-persatuan ini berdaftar, nama persatuan dieja mengikut bunyi dialek masing-masing. Misalnya, All-Malaya Kochow Association sepatutnya ditulis sebagai Persatuan Gaozhou Pan-Malaya, dan United Lee's Association Selangor ditulis sebagai Persekutuan Persatuan Li Selangor. Bagi nama kumpulan dialek, Hokkien dan Hakka misalnya, adalah lebih luas digunakan dalam rekod sejarah jika dibandingkan dengan Fujian dan Kejia yang dieja mengikut *pinyin*. Maka untuk mengelakkan kekeliruan, nama institusi yang luas digunakan dalam rekod sejarah, fail dan dokumen kerajaan, surat khabar, dan Government Gazette, akan ditulis mengikut sebutan dialek, dan huruf Cina serta penterjemahan dalam bahasa Melayu akan diberi dalam nota kaki atau kurungan.

### **KATA NAMA KHAS DALAM BAHASA INGGERIS**

Nama institusi yang dikenali dalam bahasa Inggeris, misalnya Sanitary Board Kuala Lumpur akan dikekalkan dengan penterjemahan dalam bahasa Melayu diberi dalam kurungan atau nota kaki.

Peta 1: Kawasan-kawasan Utama dalam Kajian




IXX

Peta



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Peta 2: Lokasi Xinyi di Provinsi Guangdong, China



X

Tun Sir Henry Lee Hau Shik

# Senarai Singkatan

ACCCM	Associated Chinese Chambers of Commerce of Malaya
AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
AMCMA	All-Malaya Chinese Miners Association
ARP	Air Raid Precautions (Pasukan Pencegahan Serangan Udara)
BMA	British Military Administration
CCC	Chinese Chambers of Commerce
D&C	Development and Commercial
DEB	Dasar Ekonomi Baru
dIm.	dalam
ed.	disunting oleh
eds.	disunting bersama
h.	halaman
IBRD	International Bank for Reconstruction and Development
IMF	International Monetary Fund
IMP	Independence of Malaya Party
ISEAS	Institute of Southeast Asian Studies
ITA	International Tin Agreement
JMBRAS	Journal of Malaysian (Malayan) Branch of the Royal Asiatic Society
KTM	Keretapi Tanah Melayu
KVHG	Kinta Valley Home Guard
MAI	Malayan Association of India
MASNSP	Miners' Association of Selangor, Negri Sembilan and Pahang

MCA	Malayan (kemudian Malaysian) Chinese Association
MEP	Majlis Eksekutif Persekutuan (Federal Executive Council)
MIC	Malayan Indian Congress
MPAJA	Malayan Peoples' Anti-Japanese Army
MPKL	Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
MPP	Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council)
MRLA	Malayan Races Liberation Army
MU	Malayan Union
MUAC	Malayan Union Advisory Council
MUI	Malayan United Industries
No.	Nombor
NST	<i>New Straits Times</i>
OCA	Overseas Chinese Association
OCAJA	Overseas Chinese Anti-Japanese Army
OCBC	Oversea-Chinese Banking Corporation
OUB	Overseas Union Bank
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKC	Parti Komunis China
PKM	Parti Komunis Malaya
PMIP	Pan-Malayan Islamic Party
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SBKL	Sanitary Board Kuala Lumpur
SCAH	Selangor Chinese Assembly Hall
SCBA	Straits Chinese British Association
SCCC	Selangor Chinese Chamber of Commerce
SCRFC	Selangor China Relief Fund Committee
SKA	Selangor Kwang Tung Association
SMA	Selangor Miners' Association
SOE	Special Operations Executive
ULAS	United Lee's Association Selangor
UMNO	United Malays National Organisation
Vol.	Volume

# Pengenalan

Lee Hau Shik (李孝式) atau lebih dikenali sebagai H.S. Lee atau Henry Lee merupakan satu-satunya orang Cina di Malaysia yang mendapat gelaran 'Kolonel' daripada kerajaan China di bawah parti Kuomintang, anugerah 'Sir' oleh kerajaan British dan 'Tun' oleh kerajaan Malaysia. Anugerah 'Sir' dan 'Tun' masing-masing merupakan pengiktirafan yang tertinggi British dan Malaysia atas sumbangan yang diberikan. Beberapa industri yang terkenal yang kita lihat hari ini di Malaysia adalah milik keluarga Lee suatu masa dahulu. Ini termasuk 'Kam Lun Tai' (锦纶泰) jenama kuih bulan yang terkenal,<sup>1</sup> surat khabar *China Press* (中国报), dan nama Cina bagi RHB bank iaitu Xing Ye Yinhang (兴业银行) masih kekal digunakan sehingga kini selepas D&C Bank yang ditubuhkan oleh Lee, diambil alih oleh Rashid Hussain pada tahun 1997. Lee juga aktif dalam politik Tanah Melayu dengan melibatkan diri dalam mengasaskan Malaysia Chinese Association (MCA) dan Parti Alliance, iaitu asas Barisan Nasional hari ini. Selain itu, Lee juga mewakili Tanah Melayu dalam rundingan kemerdekaan dengan British dan merupakan menteri kewangan yang pertama bagi Tanah Melayu yang merdeka. Sebagai penghijrah baru yang tiba di Tanah Melayu pada umur 24 tahun, pelantikan Lee untuk mengawal nadi ekonomi sesebuah negara yang baru dilahirkan adalah pengiktirafan kepada kewibawaannya.

Namun, selain daripada Jalan Tun H.S. Lee di pusat bandar Kuala Lumpur, nama H.S. Lee hampir dipadamkan daripada memori rakyat Malaysia, bahkan di dalam penulisan akademik dan media massa popular hari ini atau naratif rasmi MCA di mana Lee adalah sebahagian daripada kisah sama ada secara positif atau negatif, jika dibandingkan dengan tokoh Cina yang sezaman dengan beliau seperti Tan Kah Kee<sup>2</sup> dan Tan Cheng Lock.<sup>3</sup> Mengapakah H.S. Lee yang memainkan peranan penting dalam sejarah Malaysia dipinggirkan? Dengan itu buku ini cuba menjawab

persoalan tersebut dengan mengkaji riwayat H.S. Lee sebagai seorang ahli perniagaan dan tokoh politik dalam bentuk biografi. Kisah Lee mencakupi pelbagai lapis kerana beliau bukan hanya seorang pemimpin kumpulan dialek beliau, tetapi juga adalah pemimpin masyarakat dan negara. Pada masa yang sama beliau juga adalah pelombong timah, pemilik bank, pemilik surat khabar dan menteri kerajaan. Tidak ramai orang Cina di Malaysia yang sezaman dengan Lee mempunyai corak kehidupan yang beraneka dan pengalaman seluas beliau. Oleh itu kajian biografi terhadap Lee membolehkan riwayat hidup Lee dan zaman yang beliaualui dihayati dengan lebih menyeluruh.

Pada masa yang sama buku ini juga merupakan satu kajian sejarah perniagaan dalam kajian perniagaan keluarga (*business history in family business studies*) yang merentasi tiga generasi, iaitu kira-kira 100 tahun. Bermula dari Kam Lun Tai sebuah syarikat perdagangan sutera yang ditubuhkan pada 1890-an, ia berkembang menjadi sebuah syarikat transnasional yang terlibat dalam siri perniagaan yang berkaitan dengan pengeksporan buruh termasuk menyediakan penginapan, kiriman wang dan pertukaran asing selain melibatkan diri dalam perlombongan bijih timah dan bahan galian yang lain di China dan Tanah Melayu. Kemuncaknya adalah penubuhan D&C bank yang pada suatu ketika adalah bank yang kelima besar di Malaysia. Berbeza dengan kisah 'rags to riches' yang biasa kita dengar tentang migran baru yang miskin berjaya mengumpul kekayaan di negara barunya lalu melabur semula di kampung halaman di China, iaitu *yi jin huan xiang* (衣锦还乡); keluarga Lee yang agak kaya di China pula mengembangkan perniagaan keluarganya ke Tanah Melayu lalu memperbadankannya di negara bermastautin. Maka kajian terhadap perniagaan keluarga Lee membantu dalam kajian migrasi jenis kelas kaya yang jarang diberi perhatian.

Akhirnya buku ini juga meninjau sifat kepimpinan H.S. Lee. Daripada migran kepada pemimpin nasionalis, jenis kepimpinan yang digambarkan oleh Lee adalah penting untuk meninjau sifat kepimpinan orang Cina seberang laut. Pada peringkat awal, sebagai penghijrah baru, Lee menaruhkan kesetiaannya pada negara asal, iaitu China; tetapi selepas melalui Perang Dunia Kedua, ketaatannya telah beralih ke Tanah Melayu, negara yang Lee bermastautin. Perubahan ini adalah berbeza dengan Tan Kah Kee<sup>4</sup> yang juga adalah penghijrah baru tetapi memilih untuk pulang ke negara asal dan Tan Cheng Lock<sup>5</sup> yang berlatar belakang peranakan dan tidak pernah mengaitkan dirinya dengan negara China. Maka kajian ini dapat membantu kita memahami sifat dan jenis kepimpinan yang berbeza dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu.

## KAJIAN SEJARAH TENTANG H.S. LEE

Sepanjang jangka hayat H.S. Lee tiada usaha untuk mencatat riwayat beliau kecuali catatan biografi ringkas dalam majalah peringatan persatuan Cina yang dipimpin oleh Lee (1955 dan 1979)<sup>6</sup> dan satu artikel yang diterbitkan oleh majalah *Malaysian Business* pada tahun 1980 selepas bertemu bual dengan Lee.<sup>7</sup> Berbanding dengan biografi ringkas yang berbentuk fakta dalam majalah peringatan, artikel dalam majalah *Malaysian Business* yang lebih menghiburkan mendapat sambutan yang baik lalu diterjemahkan kepada bahasa Cina dan diterbitkan di *Nanyang Siang Pao*.<sup>8</sup>

Keadaan berubah apabila Lee meninggal dunia pada Jun 1988. Dengan segera, *New Life Post*, sebuah akhbar tabloid menerbitkan satu siri artikel tentang H.S. Lee bermula pada 29 Jun 1988.<sup>9</sup> Ini diikuti dengan siri artikel yang diterbitkan oleh *China Press*, surat khabar Cina yang pernah dimiliki oleh keluarga Lee pada bulan berikutnya.<sup>10</sup> Pada masa yang sama, dengan kerjasama keluarga Lee, sebuah pameran telah diadakan di Muzium Negara untuk memperingati tokoh ini. Hasilnya sebuah majalah cenderamata setebal 25 halaman telah diterbitkan untuk pameran ini.<sup>11</sup>

Sepuluh tahun kemudian, surat khabar *Nanyang Siang Pao* menerbitkan satu siri artikel untuk memperingati H.S. Lee pada tahun 1998.<sup>12</sup> Siri artikel *Nanyang Siang Pao* ini mendapat perhatian di kampung halaman Lee di China berikutan lawatan oleh anak sulungnya, Douglas ke China pada tahun 1999. Maka artikel ini telah diterbitkan dalam surat khabar di Maoming, China pada tahun 2000 dengan sedikit penyesuaian.<sup>13</sup>

Sementara itu, Low Chin Huat yang terlibat dalam pameran H.S. Lee yang diadakan di Muzium Negara pada tahun 1988 berpeluang merujuk kepada surat persendirian H.S. Lee buat pertama kali lalu menghasilkan sebuah latihan ilmiah pada tahun 1989 yang bertajuk 'Sejarah perjuangan Tun H.S. Lee dalam bidang politik 1900-1955'.<sup>14</sup> Namun oleh sebab keperluan sarjana muda yang hanya memerlukan kajian 'latihan akademik' yang pendek, Low memilih tempoh kajian antara tahun 1900 hingga 1955 dengan menumpukan perhatiannya pada aktiviti politik Lee iaitu penubuhan Malayan Chinese Association (MCA) dan pembentukan Parti Perikatan dan mengabaikan aspek Lee yang lain, terutamanya penglibatan beliau dalam perniagaan. Low yang fasih bahasa Cina banyak menggunakan bahan sekunder Cina seperti laporan di surat khabar dan majalah Cina, bukannya bahan primer misalnya surat-menyurat antara Lee dengan ahli politik yang lain. Ini mungkin kerana bahan persendirian Lee masih belum disusun dengan teratur, maka sukar menjumpai bahan yang berkaitan pada masa itu.

Selepas Low Chin Huat, tiada penyelidik yang pernah menggunakan bahan simpanan kertas persendirian H.S. Lee sehingga ahli keluarga Lee mengambil keputusan untuk menyusun semula bahan yang ada dan

mengindeks kertas persendirian Lee pada tahun 2003, iaitu 15 tahun sesudah pemergian Lee. Kertas persendirian Lee akhirnya siap diindeks dan disimpan di perpustakaan Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapura dan dibuka untuk rujukan orang ramai mulai tahun 2010.

Dalam proses mengindeks kertas persendirian H.S. Lee, kumpulan penyelidik pertama yang merujuk bahan ini adalah tiga penyelidik dari Hong Kong, iaitu Victor Zheng, Wong Siu Lun dan Sun Wen Bin yang menjalankan kajian terhadap perniagaan keluarga Lee yang awal - Kam Lun Tai.<sup>15</sup> Mereka menghasilkan sebuah kertas persidangan pada tahun 2004 dan mengemukakan hujah bahawa bagi kebangkitan H.S. Lee, sebahagian besar adalah sumbangan bapanya, Lee Kwai Lim, manakala kejatuhan perniagaan keluarga adalah disebabkan oleh pilihan dan minat peribadi H.S. Lee serta pemecahan rangkaian sosio-ekonomi-politik dan kehilangan keusahawanan. Penulis bersetuju bahawa berbanding dengan migran baru yang lain, Lee Kwai Lim telah membina asas yang kukuh bagi H.S. Lee, terutamanya dari segi sumber kewangan dan rangkaian sosio-ekonomi-politik. Tetapi bagi kejatuhan Kam Lun Tai, selain keadaan politik yang tidak tenteram di China terutamanya selepas pengambilan kerajaan China oleh Parti Komunis pada tahun 1949, Kam Lun Tai juga menghadapi pukulan yang hebat hasil daripada perubahan dasar kerajaan China dan pihak koloni British Tanah Melayu. Maka tindakan Lee untuk mengalihkan tumpuannya kepada perlombongan bijih timah daripada meneruskan perdagangan sutera dan siri perniagaan yang berkaitan dengan buruh adalah satu keputusan yang rasional - kerana ia tidak menjanakan keuntungan! Lee tidak kehilangan rangkaian sosio-ekonomi-politik, malah mengikut kajian penulis, jaringan sosio-ekonomi-politik Lee dengan kerajaan China, penjajah British, dan masyarakat Cina di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua adalah lebih kuat berbanding dengan sebelum perang. Lee juga tidak kehilangan keusahawanan, ini dapat diteliti daripada penubuhan D&C bank oleh Lee pada umur 66 tahun. Maka buku ini akan melengkapkan kajian Victor Zheng et al. dengan meluaskan jangka masa kajian sehingga tahun 1988, dan meliputi semua aktiviti perniagaan utama keluarga Lee termasuk perlombongan bijih timah dan penubuhan bank perdagangan, selain aktiviti politik Lee.

Ini diikuti oleh Lee Kam Hing yang menjalankan satu tinjauan pendek tentang H.S. Lee dan zamannya (*life and time*) pada tahun 2007.<sup>16</sup> Dalam kajian Lee Kam Hing yang berbentuk deskriptif dengan banyak fakta sejarah, beliau hampir meliputi semua peristiwa penting dalam hidup Lee, ini termasuk perniagaan keluarga, tahun awal H.S. Lee, perlombongan timah, kaitan Lee dengan politik Tanah Melayu, jawatan awam yang pernah dipegang, pemilikan *China Press* serta penubuhan dan kehilangan D&C Bank. Jadi, ia merupakan satu pengenalan yang baik untuk memahami H.S.

## Pengenalan

Lee dan zaman yang dilaluinya. Pada masa yang sama, Lee Kam Hing juga membangkitkan beberapa persoalan kajian yang perlu diisi dengan kajian lebih mendalam yang tidak dapat beliau lakukan dalam kajian ringkas yang 17 halaman ini. Lee Kam Hing juga meneliti nilai manuskrip yang ada pada keluarga Lee lalu menyeru supaya sebuah biografi ditulis dengan bahan yang ada. Namun selepas itu, Lee Kam Hing hanya menghasilkan sebuah biografi ringkas H.S. Lee dan diterbitkan dalam *Southeast Asian Personalities of Chinese Descent: a Biographical Dictionary*.<sup>17</sup> Buku ini merupakan salah satu usaha untuk menyahut persoalan kajian yang dibangkitkan oleh Lee Kam Hing dalam bentuk biografi yang lebih menyeluruh.

Di samping itu, sebuah kajian biografi H.S. Lee berbentuk buku dalam bahasa Cina iaitu *Legenda Lee Hau Shik* (李孝式传奇) telah diterbitkan di China.<sup>18</sup> Buku ini mengandungi fakta sejarah yang terhad dengan berasaskan bahan sekunder dalam bahasa Cina, cara penulisannya adalah berbentuk novel dengan banyak imaginasi serta andaian yang meletakkannya dalam kategori bacaan umum, bukan kajian secara akademik seperti yang dibayangkan oleh judul buku ini, iaitu dalam bentuk 'legenda'.<sup>19</sup>

Fujio Hara juga bermanfaat daripada surat persendirian Lee yang sudah diindeks, ditambah dengan dokumen bahasa Jepun yang penulis tidak berupaya merujuk kepada kerana faktor bahasa, Fujio Hara telah menumpukan kajiannya pada gerakan anti-Jepun dan dedikasi H.S. Lee kepada negara China.<sup>20</sup> Beliau mendapati Lee bukan hanya bekerjasama dengan Kuomintang dalam gerakan anti-Jepun tetapi juga pemimpin berhaluan kiri. Jaringan yang disemai dalam gerakan anti-Jepun di Selangor telah mengukuhkan kedudukan Lee di MCA, apabila ramai bekas pemimpin gerakan juga turut serta dalam MCA. Selain itu, kajian juga menunjukkan sehingga awal 1950-an, Lee masih menganggap negara China sebagai tanah air walaupun beliau begitu menentang Parti Komunis China dan Republik Rakyat China. Kertas ini berjaya meninjau aktiviti Lee antara tahun 1937 sehingga awal 1950-an kecuali pengalaman Lee di India (1942-45)<sup>21</sup> dan menghuraikan latar belakang mereka yang terlibat dengan gerakan anti-Jepun secara terperinci yang penting dalam mengkaji jaringan rangkaian sosial Lee. Penulis mendapat manfaat daripada kajian Fujio Hara, namun masih terdapat banyak butiran terperinci tentang H.S. Lee pada jangka masa ini masih belum diliputi yang boleh diperoleh melalui surat khabar pada masa itu.

'Sejarah keluarga Cina di Malaysia dan Hong Kong: Perbandingan antara Lee Hau Shik dan Robbie Ho Shai Lai (何世礼, 1906-1998)' merupakan kajian H.S. Lee yang terbaru.<sup>22</sup> Walaupun pengkaji tidak merujuk kepada kertas persendirian H.S. Lee yang didepositkan di perpustakaan Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), tetapi mereka pernah merujuk kepada kertas H.S. Lee yang masih di bawah jagaan anaknya<sup>23</sup> di samping

menggunakan bahan terbitan yang terdapat di Hong Kong, misalnya Senarai Orang Kenamaan di Hong Kong dan terbitan Queen's College, Hong Kong untuk melakarkan aktiviti awal Lee di Hong Kong. Dengan membandingkan dua personaliti di dua buah negara yang berbeza (walaupun kedua-dua adalah tanah jajahan British), pengkaji cuba membawa kajian ini kepada peringkat yang lebih tinggi iaitu hubungan orang Cina seberang laut dengan negara China. Pengkaji mendapati dua tokoh ini mempunyai banyak perkara yang sama: kedua-dua keluarga pernah menjalankan perniagaan di Hong Kong, pernah belajar di Queen's College di Hong Kong, selepas tamat pengajian pernah pergi ke China, satu menyertai Jabatan Kastam, satu lagi menyertai pasukan tentera, mempunyai hubungan yang rapat dengan Kuomintang, walaupun China diambil alih oleh Parti Komunis China tetapi mereka masih mengekalkan hubungan dengan Kuomintang di Taiwan, dan bertapak semula ke China hanya pada akhir jangka hayat mereka. Kajian ini menyatakan kedua-dua tokoh ini mengaitkan diri (*identify*) dengan negara China tetapi bukan dengan parti komunis yang mentadbirnya, maka wujud perubahan identiti selepas negara China jatuh ke tangan komunis pada tahun 1949, dengan taat setia mereka telah berubah kepada negara yang bermastautin. Tetapi berikutan dengan dasar buka pintu China pada 1978, ramai orang Cina seberang laut yang telah memutuskan hubungan dengan negara China bertapak semula di China termasuk Lee dan Ho. Perbandingan seperti ini adalah penting, namun penulis lebih cenderung untuk membandingkan Lee dengan pemimpin Cina Tanah Melayu yang sezaman dengannya terutamanya, Tan Cheng Lock dan Tan Kah Kee untuk mengkaji perubahan identiti orang Cina walaupun berada pada tempat yang sama.

Daripada perbincangan di atas, didapati walaupun kertas persendirian H.S. Lee telah diindeks dan terbuka untuk rujukan para pengkaji, namun masih tiada satu kajian yang menyeluruh, terutamanya dalam bentuk biografi dijalankan terhadap Lee. Maka buku ini akan cuba mengisi ruang tersebut dengan mengkaji riwayat Lee terutamanya peranan dan sumbangannya sebagai ahli politik dan peniaga.

Untuk memenuhi objektif kajian yang terakhir iaitu mengkaji sifat kepimpinan Lee, beberapa kajian tentang model kepimpinan orang Cina di Tanah Melayu juga dirujuk. Model Kapitan yang diperkenalkan oleh William Skinner selepas menjalankan kajian ke atas masyarakat Thailand pada 1950-an merupakan model yang sesuai untuk menerangkan peranan pemimpin Cina di Tanah Melayu pada peringkat awal.<sup>24</sup> Dalam model Kapitan ini, pemimpin Cina bertindak sebagai orang tengah antara kerajaan dengan masyarakat Cina. Mereka berperanan sebagai pelindung dan pemimpin masyarakat, pada masa yang sama mereka juga ejen dan pentadbir tidak langsung bagi kerajaan. Dalam model ini, pemimpin Cina

## Pengenalan

muncul melalui jaringan rangkaian pelbagai jenis organisasi Cina, yang biasanya dirujuk sebagai '*shetuan*'. Persatuan-persatuan ini menyediakan pangkalan institusi untuk orang yang cukup kaya bagi meluangkan masa, tenaga dan sumber kewangan supaya terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang bukan berasaskan keuntungan tetapi berupaya meningkatkan kedudukan mereka. Menurut Skinner, ini merupakan 'struktur kuasa dalaman (*internal power structure*)'. Sesiapa yang berada di dalam jawatankuasa 'pertubuhan-pertubuhan payung'<sup>25</sup> yang paling penting seperti Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perhimpunan Cina akan mempunyai status yang lebih tinggi kerana mereka berada di puncak rangkaian *shetuan*. Pada pandangan Skinner, kuasa mereka itu akan melalui proses 'pengesahatarafan dalaman penuh (*full internal legitimation*)' yang menandakan penerimaan oleh komuniti mereka sendiri. Merekalah yang selalu diminta oleh kerajaan, iaitu 'pihak berkuasa luaran' untuk bertindak sebagai ejen dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan selain 'bersuara' bagi pihak komuniti mereka.

Pada pendapat Wang Gungwu, model Kapitan yang digunakan oleh Skinner sesuai digunakan untuk keadaan Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua yang Wang namakannya '*shang*'.<sup>26</sup> Manakala bagi masyarakat Cina selepas Perang Dunia Kedua, pemimpin yang muncul cenderung kepada jenis elit intelektual, maka Wang mengemukakan penggunaan '*shih*' untuk golongan pemimpin ini.<sup>27</sup> Dalam kes H.S. Lee, beliau adalah kedua-dua *shang* (peniaga) dan *shih* (terpelajar). Oleh itu, Lee yang bangkit sebagai pemimpin sebelum Perang Dunia Kedua dapat mengekalkan kedudukannya selepas perang.

Manakala dalam kajian Heng Pek Koon,<sup>28</sup> pemimpin masyarakat Cina terutamanya pemimpin MCA dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu mereka yang berpendidikan Inggeris dan yang berpendidikan Cina. Ini menimbulkan masalah kerana Lee yang berpendidikan Inggeris dan Cina termasuk ke dalam kedua-dua kumpulan.

Sementara itu, Tan Liok Ee mendapati terdapat dua kumpulan pemimpin di dalam MCA, iaitu kumpulan 'realis' dan satu lagi kumpulan 'pencabar'.<sup>29</sup> Pemimpin MCA sama ada meneruskan perundingan mengikut syarat-syarat yang diterima oleh pemimpin-pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) yang mampu mengekalkan kuasa politik mereka, iaitu 'realis' atau meneruskan strategi bertentangan dengan menjadi 'pencabar' yang mempersoalkan syarat-syarat yang ditentukan. Pembahagian ini sukar untuk digunakan untuk kes Lee, oleh sebab peranannya berubah mengikut masa dan situasi. Rada peringkat permulaan, Lee merupakan 'realis' yang memilih untuk bekerjasama dengan UMNO daripada menyertai Independence of Malaya Party (IMP) yang menawarkan syarat-syarat kerjasama yang tidak menyebelahi Lee. Dalam isu bahasa Cina dan pendidikan Cina, Lee juga memilih untuk berpihak kepada UMNO,

termasuk dalam rundingan perlembagaan demi mendapat kemerdekaan. Namun selepas dikalahkan "oleh pencabar" dalam pertandingan pengerusi MCA Selangor pada tahun 1955, Lee mengubah peranannya dengan menyokong Lim Chong Eu untuk mencabar Tan Cheng Lock. Peranan 'pencabar' ini menyebabkan Lee ditentang oleh pemimpin UMNO, bahkan dikatakan apabila Tunku ingin melantik Lee sebagai senator, cadangan ini dibantah oleh pemimpin UMNO yang lain.

Akhirnya, Wang Gungwu telah membahagikan masyarakat Cina kepada tiga kumpulan mengikut orientasi politik, iaitu kumpulan A yang mencondong kepada perkembangan politik di China; kumpulan C yang condong kepada perkembangan politik di Tanah Melayu dan kumpulan B yang berada di antara kedua-dua kumpulan ini.<sup>30</sup> Antara ciri-ciri pemimpin kumpulan A adalah berpendidikan Cina, merupakan kumpulan penghijrah generasi pertama yang berasal daripada China dan biasanya terdiri daripada golongan peniaga. Contoh yang paling menonjol adalah Tan Kah Kee.<sup>31</sup>


Manakala bagi kumpulan C, mereka biasanya berpendidikan Inggeris, merupakan peranakan Cina yang sudah menetap di Tanah Melayu untuk beberapa keturunan dan biasanya berasal daripada kumpulan profesional, contohnya Tan Cheng Lock.<sup>32</sup> Manakala mereka yang tidak termasuk dalam A atau C akan dikategorikan kepada kumpulan B. Walaupun kumpulan ini mempunyai jumlah yang paling besar tetapi jarang diberi perhatian oleh para pengkaji kerana kumpulan ini tidak biasa menyatakan pendirian atau memberi pendapat mereka. Wang Gungwu menyatakan kumpulan B ini terdiri daripada mereka yang "keras kepala dan realistik, lebih melibatkan diri dalam perdagangan dan persatuan-persatuan sosial, jarang melibatkan diri dalam isu-isu nasional atau antarabangsa secara terbuka, percaya bahawa wang dan organisasi adalah akar semua politik dan kedua-duanya dimiliki oleh mereka."<sup>33</sup>

Walaupun bagaimanapun, Wang juga menyatakan pembahagian antara kumpulan B dan C kadangkala adalah kabur dan kedudukan seseorang dalam kumpulan-kumpulan ini adalah tidak statik dan mungkin berubah. Sebenarnya inilah kes H.S. Lee di mana sebelum Perang Dunia Kedua Lee berada pada kumpulan A, titik gentingnya adalah apabila Perang Dunia Kedua berlaku, Lee yang melarikan diri ke India merancang untuk pulang ke China, tetapi tidak berhasil. Selepas Perang Dunia Kedua, Lee berubah kepada kumpulan B dengan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti industri timah dan persatuan-persatuan Cina. Kedudukannya berubah lagi apabila Lee mengasaskan MCA dan melibatkan diri secara aktif dalam politik Tanah Melayu, iaitu ciri-ciri kumpulan C.

Buku ini cuba memperdebatkan bahawa sifat kepimpinan dan orientasi politik Lee adalah tidak statik dan sentiasa berubah mengikut keadaan sekitar terutamanya situasi politik pada ketika itu, seperti yang

## Pengenalan

dirumuskan oleh rajah di bawah. Bermula dari seorang peniaga, Lee muncul sebagai seorang pemimpin jenis *shang* (peniaga). Lee berupaya mengekalkan kedudukannya sebagai pemimpin selepas Perang Dunia Kedua kerana beliau juga merupakan seorang terpelajar (*shih*) yang berupaya menjalinkan hubungan antara pihak British, komuniti Cina dan pemimpin UMNO. Dalam usaha mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu, Lee menjadi seorang realis melalui kerjasama dengan UMNO. Keadaan berubah apabila kedudukannya dengan MCA tergugat. Lee terpaksa menjadi seorang pencabar untuk menumbangkan Tan Cheng Lock, iaitu presiden MCA pada masa itu walaupun mendapat tentangan daripada Tunku Abdul Rahman. Orientasi politiknya juga berubah daripada China (Kumpulan A) ke Tanah Melayu (Kumpulan C), dengan melibatkan diri dalam usaha mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.



**Rajah 0.1: Perubahan Orientasi Politik dan Sifat Kepimpinan H.S. Lee Mengikut Perubahan Masa dan Keadaan**

Sumber: Diubahsuai oleh penulis mengikut William Skinner (1968), Wang Gungwu (1968), Tan Liok Ee (1995), Wang Gungwu (1970).

## PEMBAHAGIAN BAB

Buku ini dibahagikan kepada sepuluh bab, termasuk Bab Pengenalan dan Bab Kesimpulan. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan H.S. Lee adalah latar belakang keluarganya dan pendidikan yang diterimanya merupakan dua komponen yang paling penting. Perlu diberi perhatian bahawa Lee berasal daripada sebuah keluarga yang kaya dan berpengaruh di China. Maka Bab Satu bermula dengan meninjau akar Lee di China dengan melihat latar belakang keluarganya termasuk riwayat bapanya Lee Kwai Lim, sejarah penubuhan Kam Lun Tai dan

perniagaan keluarga yang lain, pendidikan awal Lee yang diterima semasa di Guangdong dan Hong Kong. Pengalamannya semasa belajar di St. John Kolej, Cambridge dan perkahwinannya juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab Dua akan cuba menggambarkan proses bagaimana seorang pemimpin Cina yang berasal dari seberang laut terbentuk dengan meninjau permulaan Lee di Tanah Melayu. Ia bermula dengan ketibaan Lee di Tanah Melayu pada tahun 1924 dan berakhir pada tahun 1941, iaitu tahun Jepun menyerang Tanah Melayu. Tema yang dirangkumkan termasuk bagaimana Lee mula membina kepentingan perniagaannya, membangunkan pengaruh komuniti dan politik di Selangor serta kebangkitan Lee dalam mengetuai gerakan anti-Jepun.

Apabila tentera Jepun mencerooh ke Tanah Melayu, Lee dan keluarganya berjaya melarikan diri ke India dan menetap di sana sepanjang Perang Dunia Kedua. Kehidupan pelarian perang Tanah Melayu di negara lain merupakan aspek yang kurang diterokai dalam kajian Perang Dunia Kedua. Maka Bab Tiga akan cuba mengisi lompong ini dengan mengkaji pengalaman Lee semasa Perang Dunia Kedua dengan membahagikannya kepada empat tema, iaitu pertama, penglibatan Lee dalam pertahanan Tanah Melayu (1941), diikuti dengan pelarian ke India dan rancangan untuk pulang ke China (1942). Bahagian seterusnya akan membincangkan aktiviti Lee di India selepas gagal pergi ke China, terutamanya interaksi antara Lee dengan Tan Cheng Lock dalam pembentukan *Oversea Chinese Association* (1943). Ini diikuti dengan tinjauan hubungan Lee dengan komuniti lain di India (1944-1945). Situasi ahli keluarga Lee yang masih tinggal di Tanah Melayu juga akan disentuh di bahagian akhir bab ini.

Bab Empat pula akan meninjau aktiviti-aktiviti Lee selepas Perang Dunia Kedua yang penting untuk memahami perubahan orientasi politik masyarakat Cina di Tanah Melayu secara umum. Bab ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bagaimana Lee menyambung semula keterlibatannya dalam pucuk pimpinan masyarakat Cina di Selangor, kedua, membangunkan semula perniagaannya dan industri timah; kemudian diikuti permulaan penglibatan Lee dalam politik Tanah Melayu.

Seterusnya Bab Lima akan membincangkan kegiatan politik Lee selepas Darurat diisytiharkan pada tahun 1948. Bahagian pertama bab ini akan meneliti susur galur evolusi idea dan sejarah penubuhan MCA serta peranan Lee dalam mengasaskan MCA. Bahagian kedua akan meninjau penglibatan Lee semasa Darurat, terutamanya dalam rancangan Briggs. Bahagian ketiga akan tertumpu pada sejarah penubuhan perikatan antara MCA dan UMNO, menganalisis motif di sebaliknya serta bagaimanakah pakatan sementara ini menjadi Parti Alliance secara rasmi.

## Pengenalan

Manakala Bab Enam akan mengkaji peranan Lee dalam kemerdekaan Tanah Melayu dengan membahagikan bab ini kepada empat bahagian. Bahagian pertama akan meninjau peranan Lee dalam transformasi pakatan UMNO-MCA daripada sebuah pakatan sementara bagi pilihan raya Kuala Lumpur 1952 kepada sebuah gerakan nasionalis ulung yang menekan pihak penjajah supaya bersetuju mengadakan pilihan raya Persekutuan pada tahun 1955, iaitu lebih awal daripada rancangan British. Bahagian kedua akan membincangkan peranan Lee sebagai dalang (*mastermind*) di belakang pilihan raya 1955 yang menyebabkan Alliance berjaya menyapu semua kecuali satu kerusi. Sementara Lee sibuk sebagai wakil MCA untuk berunding dengan UMNO bagi membentuk perlembagaan Tanah Melayu seterusnya sebagai wakil Tanah Melayu untuk berunding dengan kerajaan British bagi mendapat kemerdekaan, Lee disingkir daripada pangkalan asasnya - MCA Selangor. Bab ini diakhiri dengan penglibatan Lee dalam rundingan kemerdekaan di London yang membawa kepada pelantikan Lee sebagai Menteri Kewangan yang pertama Tanah Melayu.

Bab Tujuh akan melihat peranan Lee sebagai Menteri Kewangan (1956-1959), seterusnya faktor-faktor yang membawa kepada peletakan jawatan pada tahun 1959.

Seterusnya, Bab Lapan pula akan mengkaji peralihan landasan kehidupan Lee sekali lagi, iaitu daripada menteri kewangan kepada ahli korporat. Bab ini dibahagikan kepada dua tema iaitu, kembali semula sebagai ahli korporat (1960-1965) dan mempengerusikan Development and Commercial Bank (D&C Bank) di antara 1966-1985.

Bab Kesimpulan akan merumuskan perbincangan daripada Bab Dua sehingga Bab Lapan bagi melihat riwayat Lee secara sintesis, ini termasuk faktor kebangkitan Lee dan kejatuhannya, sumbangan Lee dalam politik dan ekonomi negara serta sifat kepimpinannya.

## NOTA

<sup>1</sup> Jenama Kam Lun Tai dijual kepada Lum Tuck Loy pada tahun 1971 dan kini menjadi jenama rantaian makanan yang terkenal, terutamanya kuih bulan.

<sup>2</sup> Sehingga kini terdapat tiga dewan peringatan Tan Kah Kee telah ditubuhkan, iaitu di Xiamen, China; Singapura dan Kuala Lumpur, Malaysia. Dewan Peringatan Tan Kah Kee yang berpejabat di Selangor Chinese Assembly Hall Kuala Lumpur ditaja oleh masyarakat Cina dan dirasmikan pada 6 Oktober 2013. Sila rujuk *Sin Chew Jit Poh*, 6 Oktober 2013.

<sup>3</sup> Tan Cheng Lock pula diangkat oleh MCA sebagai pengasas yang tunggal. Pada tahun 2014 sebuah seminar telah diadakan oleh MCA untuk membincangkan pemikiran Tan Cheng Lock yang dihadiri oleh penulis. Apabila penulis menunjukkan video tentang penandatanganan perjanjian kemerdekaan di London yang dihadiri oleh H.S. Lee, ramai yang terperanjat kerana ramai menyangka Tan Cheng Lock yang mewakili MCA untuk rundingan di London sedangkan Tan tidak pernah hadir. Rada akhir tahun 2014, presiden MCA mengumumkan bahawa sebuah institut kajian Tan Cheng Lock akan didirikan di Universiti Tunku Abdul Rahman. Sila rujuk *Sin Chew Jit Poh*, 17 November 2014.

## Tun Sir Henry Lee Hau Shik

<sup>4</sup>Tan Kah Kee dilahirkan di China dan tiba di Singapura pada tahun 1890 pada umur 16 tahun. Puncak kerjayanya apabila beliau memimpin satu gerakan patriotik yang meliputi seluruh Asia Tenggara untuk membantu negara China dalam menentang keganasan Jepun. Selepas perang, Tan Kah Kee yang condong kepada politik negara China tidak dapat memimpin mereka yang ingin terus menetap di Tanah Melayu, malah beliau sendiri juga memilih untuk pulang ke China, tempat yang dianggap sebagai tanah airnya.

<sup>5</sup>Tan Cheng Lock yang berasal dari Melaka merupakan peranakan Cina generasi kelima. Beliau telah dilantik memasuki Majlis Perbandaran Melaka pada tahun 1912 dan Majlis Eksekutif Negeri-negeri Selat pada 1933. Tan telah mencapai tahap yang tertinggi bagi seseorang subjek British yang mungkin boleh dicapai di tanah jajahan. Selepas perang, Tan masih bergiat dalam politik dan memimpin Putera-AMCJA yang dianggap berhaluan kiri. Kegagalan Putera-AMCJA tidak menghalangnya, Tan dilantik ke dalam Jawatankuasa Hubungan Komuniti (Communities Liaison Committee) dan menjadi pengerusi pertama MCA. Kedudukannya tidak tergugat walaupun 'pihak berkuasa politik luaran (external political authority)' telah diambil alih oleh pemimpin Melayu. Walau bagaimanapun, kewujudan golongan pencabar dalam masyarakat Cina sendiri yang memaksa beliau berundur dari politik apabila gagal dalam pertandingan jawatan pengerusi MCA pada 1958.

<sup>6</sup>"Malaixiya Gaozhou Zonghui Huizhang Dun Lixiaoshi Lueli (马来西亚高州总会会长敦李孝式略历, Sejarah Ringkas Presiden Persatuan Kochow Malaysia Tun Lee Hau Shik)," dlm. *Malaixiya Gaozhou Zonghui 30 Zhounian Jinian Tekan* (马来西亚高州总会30周年纪念特刊, Majalah Peringatan Ulang Tahun Persatuan Kochow Malaysia yang ke-30), 1981, h.14-15. Ulang tahun ke-30 Persatuan Kochow adalah pada tahun 1978, tetapi majalahnya hanya dapat diterbitkan pada tahun 1981.

<sup>7</sup>Ng Poh Tip, "The Amazing Tun Sir Henry H. S. Lee," *Malaysian Business*, Julai 1980, h.88-97.

<sup>8</sup>Shu Sheng (舒生), "Ting laodang yizhuang de dun lixiaoshi changtan duozhiduochoai de jingli (听老当益壮的敦李孝式畅谈多姿多彩的经历, Mendengar cerita yang berwarna-warni daripada Tun Lee Hau Shik)," *Nanyang Siang Pao*, 1980 Julai 27-30.

<sup>9</sup>Tabloid ini diterbitkan pada setiap hari Rabu dan Sabtu, kesemuanya terdapat 11 artikel. Sila rujuk rujuk Da Lang (大郎), "Kaiguo yuanxun dun lixiaoshi (开国元勋敦李孝式, Pengasas Negara Tun H.S. Lee)," *New Life Post* (新生活报), 29/6, 2/7, 6/7, 9/7, 13/7, 16/7, 20/7, 23/7, 27/7, 30/7, 3/8 1988.

<sup>10</sup>Lou Zhi Fang (罗志方) dan Zhao Ping (赵平), "Dun Lixiaoshi Dangan (敦李孝式档案, Arkib Tun H.S. Lee)," *China Press*, 26 Julai - 8 Ogos 1998.

<sup>11</sup>Muzium Negara, *Tun Sir Henry H.S.Lee*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1988.

<sup>12</sup>Lee Li Ping (李丽萍), "Dajiazu Xilie: Gaozhou Diyi Jueshi-Lixiaoshi Jueshi (大家族系列: 高州第一爵士-李孝式爵士, Siri Keluarga terkenal: Sir Lee Hau Shik)," *Nanyang Siang Pao*, 26 Oktober - 4 November 1998.

<sup>13</sup>Li Li Ping (李丽萍) dan Gao Shan Yang (高山洋), "Haiwai Huayi Juren Lixiaoshi (海外华裔巨人李孝式, Tokoh Orang Cina Seberang Laut Lee Hau Shik)," *Maoming Daily* (茂名日报), 6-7, 10-12 April 2000.

<sup>14</sup>Low Chin Huat, "Sejarah perjuangan Tun H.S. Lee dalam bidang politik 1900-1955" Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

<sup>15</sup>Victor Zheng, Wong Siu Lun, dan Sun Wen bin, "Beyond Family Enterprise: The Early Phase of H.S. Lee's Business and Political Career," dalam *The 5th Conference of the International Society for the Study of Chinese Overseas* Copenhagen, Denmark: 2004.

<sup>16</sup>Lee Kam Hing, "Lee Hau Shik: His Life and Times," dalam *Chinese Diaspora since Admiral Zheng He with Special Reference to Maritime Asia*, ed. Leo Suryadinata Singapore: Chinese Heritage Center, 2007, h.151-167.

<sup>17</sup>Lee Kam Hing, 'Lee Hau Shik', dlm L. Suryadinata (eds.), *Southeast Asian Personalities of Chinese Descent: a Biographical Dictionary*, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies and Chinese Heritage Centre, 2012, h. 508-511.

## Pengenalan

<sup>18</sup> Xiang Mei Fang (向梅芳), *Bainian Fenghua: Leexiaoshi Chuanqi* (百年风华: 李孝式传奇, Seratus Tahun Keunggulan: Legenda Lee Hau Shik), Inner Mongolia: Yuanfang Chubanshe (远方出版社), 2011.

<sup>19</sup> Misalnya, penulis bermula dengan penolakan Lee ke London yang dihantar oleh Lim Lian Geok, di mana ini tidak mungkin berlaku kerana Lee dan Lim mempunyai pandangan yang berbeza terhadap perlembagaan Tanah Melayu dan mereka merupakan musuh ketat akibat pertempuran dalam isu pendidikan Cina. Ulasan tentang buku ini boleh merujuk Tang Ah Chai (陈亚才), "Youzou yu Wenxue yu Lishi Zhijian (游走于文学与历史之间, Berjalan di antara sastera dan sejarah)," *Nanyang Siang Pao*, 1 Januari 2012.

<sup>20</sup> Fujio Hara, "An Alternative View of Tun Sir H. S. Lee: The Anti-Japanese Movement and His Dedication to China," *Journal of Asia-Pacific Studies*, No. 20 (2013): h.53-63.

<sup>21</sup> Kertas ini disiapkan pada tahun 2010 dan pernah dibentangkan dalam 7th International Malaysian Studies Conference 2010, tetapi hanya diterbitkan pada tahun 2013. Bahan yang berkaitan (Folio 121 Letters from India dan Folio 162 Japanese Occupation businesses) mungkin masih belum diindeks pada masa itu, oleh itu Fujio Hara hanya boleh mengkaji aktiviti Lee di Tanah Melayu dengan bahan yang sedia ada.

<sup>22</sup> Victor Zheng (郑宏泰), Sun Wen Bin (孙文彬), dan Ho Tsai Man (何彩满), "Ma Gang Huaren Jiazu Shi: Li Xiao Shi yu He Shi Li Gean Bijiao de Qishi (马港华人家族史: 李孝式与何世礼个案比较的启示, Sejarah keluarga Cina di Malaysia dan Hong Kong: Perbandingan antara H.S. Lee dan Robbie Ho Shai Lai)," dalam *The Proceedings of the Second Biennial International Conference on Malaysian Chinese Studies* Kuala Lumpur: 2014.

<sup>23</sup> Mereka pernah menjalankan kerja lapangan di Malaysia pada tahun 2003 dan 2006.

<sup>24</sup> G. William Skinner, "Overseas Chinese Leadership: Paradigm for a Paradox," dalam *Leadership and Authority: A Symposium*, ed. Gehan Wijeyewardene Singapore: University of Malaya Press, 1968.; G. William Skinner, *Leadership and Power in the Chinese Community of Thailand*, Ithaca, New York: Cornell University Press, 1958.

<sup>25</sup> Untuk perbincangan seterusnya tentang pertubuhan payung sila rujuk Theresa Chong Carino, *Chinese Big Business in the Philippines: Political Leadership and Change*, Singapore: Times Academic Press, 1998.

<sup>26</sup> Perbincangan selanjutnya sila rujuk kepada Wang Gungwu, "Traditional Leadership in a New Nation: the Chinese in Malaya and Singapore," dalam *Leadership and Authority: A Symposium*, ed. Gehan Wijeyewardene Singapore: University of Malaya Press, 1968, h.208-221.

<sup>27</sup> Menurut Wang, hierarki sosial masyarakat di Tanah Melayu selepas perang dibahagikan kepada empat strata. Golongan *shih* (仕) yang berada pada strata paling tinggi merupakan pegawai British- Melayu yang berpendidikan tinggi. Ini diikuti oleh *shang* (商) iaitu peniaga Cina dan pedagang British yang digemari oleh pegawai kerajaan. Strata ketiga adalah golongan *gong* (工) yang terdiri daripada kerani Cina, guru, tukang, buruh dan 'setinggan' yang tinggal di bandar dan 'kampung baru'. Yang paling bawah ialah *nong* (农) yang merupakan petani Melayu.

<sup>28</sup> Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia: A history of the Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988.

<sup>29</sup> Tan Liok Ee, "Chinese Leadership in Peninsular Malaysia: Some Preliminary Observations on Continuity and Change," dalam *Southeast Asian Chinese: The Socio-cultural Dimension*, ed. Leo Suryadinata Singapore: Times Academic Press, 1995, h.109-136.

<sup>30</sup> Wang Gungwu, "Chinese Politics In Malaya," *The China Quarterly*. Vol. 43, No. Jul-Sep (1970): h.1-30.

<sup>31</sup> Kedudukan dan pengaruh Tan Kah Kee dibina melalui kekayaan, dikenali sebagai dermawan yang terunggul untuk pendidikan dan memegang pucuk kepimpinan dalam persatuan-persatuan penting. Selain itu beliau juga mempunyai jaringan persahabatan dan persaudaraan yang erat untuk memperoleh pertolongan apabila perlu. Beliau pulang ke China apabila parti Komunis mengambil pucuk kepimpinan negara China. Sila rujuk C.F. Yong, *Tan Kah-Kee: The Making of an Overseas Chinese Legend*, Singapore: Oxford University Press 1987; Stephen

Tun Sir Henry Lee Hau Shik

Leong Mun Yoon, "Sources, agencies and manifestations of overseas Chinese nationalism in Malaya, 1937-1941" PhD Tesis, University of California, 1976.

- <sup>32</sup> Tan Cheng Lock sebagai seorang peranakan yang berpendidikan Inggeris pula merupakan pemimpin kumpulan C yang terunggul. Perbincangan seterusnya tentang beliau sila rujuk Soh Eng Lim, "Tan Cheng Lock: His leadership of the Malayan Chinese," *Journal of Southeast Asian History*. Vol. 1, No. 1 (1960): h.29-55; K.G. Tregonning, "Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist," *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. X, No. 1 (1979): h.25-76; Tan Liok Ee, "Tan Cheng Lock and the Chinese Education Issue in Malaya," *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. XIX, No. 1 (1988): h.48-61; Alice Scott-Ross, *Tun Dato Sir Cheng Lock Tan: a personal profile by his daughter* Singapore: Alice Scott-Ross, 1990; Yeo Siew Siang, *Tan Cheng Lock: The Straits Legislator and Chinese Leader*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1990; Tan Liok Ee, "Descent and Identity: The different paths of Tan Cheng Lock, Tan Kah Kee and Lim Lian Geok," *JMBRAS*. Vol. 68, No. Part 1 (1995): h.1-28; Leon Comber, "Tun Dato Sir Tan Cheng Lock's Role in Shaping Malayan Chinese Attitudes towards the Malays and the Creation of a Malayan Nation," dlm. *Chinese Studies of the Malay World: A Comparative Approach*, ed. Ding Choo Ming dan Ooi Kee Beng Singapore: Eastern Universities Press, 2003, h.190-204.
- <sup>33</sup> Wang Gungwu, "Chinese Politics In Malaya," *The China Quarterly*, h.4-5.

# 1 Latar Belakang Keluarga dan Kehidupan H.S. Lee sehingga 1924

Apabila H.S. Lee meninggal dunia pada 22 Jun 1988 di Pusat Perubatan Pantai Kuala Lumpur dalam usia 88 tahun akibat komplikasi yang timbul daripada pembedahan batu hempedu. Beribu-ribu orang dari pelbagai lapisan masyarakat datang ke rumah kediamannya di Jalan Langgak Golf, Kuala Lumpur untuk memberi penghormatan terakhir. Mereka yang datang termasuk pemimpin parti politik, pihak tentera, pegawai kerajaan, ahli perniagaan dan wakil persatuan. Antara orang ternama yang datang termasuk Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri), Ghabar Baba (Timbalan Perdana Menteri), Ling Liong Sik (Presiden Malaysian Chinese Association), Sufian Hashim (bekas Ketua Hakim Negara), Wang Shee Fun (peniaga terkenal dari Johor), VM Hutson (Pengasas Zoo Negara dan pengusaha getah), dan ahli-ahli kabinet. Ini menunjukkan pengaruh Lee dalam segenap masyarakat sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di Malaysia.

Bagaimanakah Lee dapat mencapai kejayaan yang begitu unggul merentas zaman yang dilalui dalam dunia orang Cina, Inggeris dan Melayu di Tanah Melayu dan kemudiannya, Malaysia? Latar belakang keluarga Lee merupakan salah satu faktor yang terpenting yang menyumbang kepada kejayaan beliau. Lee berasal daripada keluarga yang kaya dan berpengaruh di China. Beliau datang ke Tanah Melayu pada umur 24 tahun untuk menyertai bapanya yang berniaga di sini.<sup>1</sup> Jenis penghijrahan ini adalah tidak sejajar dengan penghijrahan kuli yang lazim berlaku. Kehidupan Lee sebelum tiba ke Tanah Melayu juga adalah agak berbeza - bukan sehelai sepinggang tetapi daripada keluarga yang agak berada dan berpendidikan di China dan Cambridge. Maka bab ini akan membincangkan dan menganalisis pengaruh keluarga dan pendidikan Barat terhadap Lee serta kehidupan Lee sebelum tiba di Tanah Melayu pada tahun 1924.

**L**ee Hau Shik (1901 -1988) atau lebih dikenali sebagai H.S. Lee merupakan salah seorang pengasas Malayan Chinese Association (MCA) dan terlibat secara langsung dalam pembentukan Parti Perikatan, iaitu Barisan Nasional hari ini. Beliau juga merupakan menteri kewangan yang pertama bagi Tanah Melayu yang baru merdeka. Lahir di Hong Kong dan lulusan University of Cambridge, Lee tiba di Tanah Melayu pada usia 24 tahun untuk meneroka perniagaan keluarganya dalam perlombongan bijih timah. Beliau kemudian muncul sebagai seorang pejuang kemerdekaan Tanah Melayu dan merupakan satu-satunya orang Cina yang mewakili Tanah Melayu dalam rundingan kemerdekaan dengan British.

Buku ini bukan hanya sebuah biografi politik H.S. Lee, tetapi juga merupakan satu kajian sejarah perniagaan dalam kajian perniagaan keluarga yang merentasi tiga generasi. Beberapa bidang industri yang kita lihat hari ini di Malaysia adalah milik keluarga Lee suatu masa dahulu. Sesungguhnya, buku ini turut mencatatkan detik-detik penting dalam sejarah Malaysia serta membantu pembaca memahami sifat dan jenis kepimpinan yang berbeza dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu.



**PENERBIT  
UNIVERSITI  
MALAYA**

